

06/02/1997

Nik Aziz dakwa tidak terima jemputan

KOTA BHARU, Rabu - Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, beliau tidak menerima undangan rasmi bagi menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur bagi membincangkan isu berhubung peningkatan gejala sosial, terutama di Lembah Klang.

"Sehingga hari ini, tiada undangan. Kalau terima, saya akan hadir kerana perbincangan itu adalah untuk kebaikan bersama," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri (Exco) di Kota Darulnaim di sini, hari ini.

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Masalah Sosial itu berlangsung di ibu negara dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hadir sama Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Masalah Sosial; semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Nik Aziz berkata, Pas pernah mengadakan perbincangan berhubung isu itu bersama beberapa pemimpin agama Kristian, Buddha dan Sikh kira-kira tiga tahun lalu di Kuala Lumpur.

"Semuanya sepakat masalah keruntuhan akhlak perlu dibendung segera bagi memastikan ia tidak semakin teruk. Oleh itu, Kelantan mengambil langkah tidak membenarkan pusat maksiat dibuka," katanya.

Semalam, Nik Aziz dilaporkan berkata, beliau bersedia menghadiri mesyuarat itu untuk sama-sama memberi sumbangan idea tanpa mengira sebarang perbezaan fahaman politik.

Mengenai sambutan Aidilfitri, beliau menasihatkan umat Islam menyambutnya mengikut adab agama termasuk mandi sunat hari raya, memakai pakaian baru, menggunakan wangian serta bertakbir.

"Budaya luar seperti mercun adalah membahayakan dan bukan cara yang harus diikuti. Cara kita (Islam) ialah dengan menziarahi sanak-saudara dan jiran bagi merapatkan silaturahmi di hari mulia," katanya.

(END)